

# Gelombang kedua

■ Umat Islam diminta terus waspada penyebaran ajaran Syiah

Oleh Mohd Amin Jalli

am@mediaprima.com.my

**Nilai**

**M**asyarakat Islam di negara ini diingatkan supaya lebih berwaspada terhadap gelombang kedua gerakan penyebaran ajaran Syiah yang dikaitkan dengan golongan pelampau dan ekstrem, yang dikesan aktif sejak kebelakangan ini.

Penasihat Agama Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdullah Md Zin berkata, pihaknya bimbang dengan gerakan itu kerana mereka menggunakan pelbagai cara untuk menyebarkan ajaran kepada masyarakat Islam negara ini.

Katanya, biarpun kegiatan mereka sentiasa dipantau dan dikawal, tetapi masyarakat perlu berhati-hati bagi memastikan tidak terjebak dengan gerakan berkenaan seperti gelombang pertama sebelum ini.

"Jika kita melihat gelombang pertama, gerakan ajaran Syiah bukan saja menyasarkan masyarakat Islam



**DR Abdullah (dua dari kiri) bersama Dr Abdul Shukor (kiri) dan Dr Asma pada majlis perasmian Seminar Dakwah dan Islam di USIM.**

biasa malah turut ke institusi pengajian tinggi (IPT) bagi mempengaruhi golongan pensyarah dan pelajar.

"Bagaimanapun, kita dapat menyekat dakwah mereka itu menerusi pelbagai usaha kerajaan termasuk pihak berkuasa agama negeri.

"Kita menyedari terdapat gelombang kedua dan saya sudah bertemu dengan Duta Iran ke negara ini bagi menjelaskan gerakan berkenaan bertentangan undang-undang negara yang berfahaman Ahli Sunah Wal ja-

maah," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Pendekatan Wasatiyyah Dalam Dakwah dan Kepemimpinan Islam 2014 (IC-DAIM 2014), di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin; Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Asma Ismail dan Timbalan Naib Canselor Datuk Dr Musa Ahmad dan Datuk Dr Mohamed Asin Dol-

lah serta Dekan Fakulti Ke-pimpinan dan Pengurusan USIM Prof Dr Zulkiple Abd Ghani.

Abdullah yang juga Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) berkata, biarpun rakyat mengamalkan kebebasan beragama tetapi gerakan Syiah dilarang sama sekali memasuki negara ini kerana kluatir menimbulkan masalah termasuk terdedah kepada kegiatan melampau, fanatik dan golongan pengetat serta pelonggar agama.